

Rawang kurang kolam tadahan

RAWANG - Kebanyakan banjir yang berlaku dalam kawasan Rawang disebabkan sistem saliran dan kurangnya kolam tadahan hujan.

Adun Rawang, Gan Pei Nei berkata, masalah turut disebabkan kepesatan projek pembangunan tidak disertakan kemudahan tersebut.

Menurutnya, pemimpin tempatan dan ahli majlis diminta turun kawasan dan memantau perkara berkenaan serta membantu menaik taraf kemudahan sistem saliran.

"Pihak saya dimaklumkan kawasan perumahan Kota Emerald West telah menambahkan kolam tadahan air menjadi empat berbanding hanya satu sebelum ini.

"Apabila hujan lebat, air dialirkan dari kawasan tinggi ke kawasan rendah dan disebabkan sistem perparitan pada masa itu tidak lengkap, kawasan perumahan Taman Garing sering dilanda banjir apabila hujan lebat," katanya

kepada *Sinar Harian* selepas membuat tinjauan tapak projek naik taraf Sungai Rawang, baru-baru ini.

Katanya, Ogos tahun lepas satu kerja naik taraf sungai telah diperuntukkan bernilai RM2.5 juta di bawah projek Jabatan Pengairan dan Saliran negeri.

"Pada 6 Ogos lalu projek siap sepenuhnya melibatkan pelebaran sungai sepanjang 250 meter selain aliran diubah bentuknya menjadi 'U' untuk kelancaran air semasa isipadu air tinggi.

"Sebanyak RM25,000 peruntukan tambahan dikeluarkan Julai lalu untuk naik taraf longkang Kuala Garing dekat dengan sungai melibatkan pelebaran kepada 1.2 meter," katanya.

Katanya, naik taraf itu dijangka menyelesaikan masalah hampir seribu orang penduduk Taman Garing yang sebelum ini hanya bergantung kepada satu longkang sebelum mengalir ke Sungai Rawang.



Sesi lawatan tapak dihadiri Pei Nei (dua, kanan) bersama wakil dari JPS Gombak, ahli majlis dan wakil penduduk.